A

Dalam Perkara Zainal Abidin bin Mohamed

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (TERENGGANU) — KES NO 41-008-195 TAHUN 1996
ISMAIL YAHYA H
1 OKTOBER 1997

B

Undang-Undang Islam *— Perkahwinan — Permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan Islam yang diadakan di negeri Thai — Penentuan sah suatu perkahwinan yang diadakan di luar negeri — Sama ada perkahwinan sah mengikut hukum syarak — Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 ss 2, 10, 22, 29(1)(a), 26 (3) & 107(1)*

C

Dalam kes ini pihak pemohon, yang juga merupakan penentang pertama, telah memohon kepada mahkamah supaya perkahwinannya dengan penentang kedua, Norziah bte Mohd Nor ('Norziah'), yang dilangsungkan di Pejabat Majlis Agama Islam Narathiwat, Selatan Thailand pada 23 April 1996 disahkan dan didaftarkan. Norziah pada mulanya memberi keterangan bahawa beliau pernah berkahwin dengan suami pertamanya sebelum berkahwin dengan pemohon dan telah bercerai. Apabila isteri pertama pemohon membuat bantahan melalui afidavit, Norziah kemudiannya memberi keterangan baru bahawa beliau juga pernah diakad nikah dengan suami keduanya (Tengku Zainul) pada tahun 1992 dan kemudiannya bercerai. Perkahwinan Norziah dengan Tengku Zainul dilangsungkan di Hotel Primula, Terengganu. Semasa akad nikah, wali Norziah sebenarnya adalah bapanya, tetapi bapanya telah mewakilkan wali bagi mengakad nikah kepada abang Norziah yang kemudiannya mewakilkan pula kepada orang lain. Isu di hadapan mahkamah adalah sama ada perkahwinan pemohon dengan Norziah pada 23 April 1996 adalah sah mengikut hukum syarak.

D

E

F

Diputuskan, akad nikah antara pemohon dengan Norziah tidak sah mengikut hukum syarak:

G

(1) Permohonan mengesahkan perkahwinan yang dilangsungkan di Narathiwat ditolak kerana ia tidak sah mengikut hukum syarak kerana pada 23 April 1996, Norziah tidak layak berkahwin dengan mana-mana lelaki memandangkan perkahwinan kali kedua Norziah adalah fasid (tidak memenuhi syarat) dan belum diputuskan fasidnya oleh mana-mana hakim syar'i sehingga ke tarikh perbicaraan yang telah diadakan pada 25 Ogos 1997. Ini berdasarkan perwakilan wali yang sepatutnya dibuat oleh bapa kepada orang lain dan bukannya orang yang diwakilkan, sedangkan bapa pengantin perempuan berada tidak sampai satu kilometer dari Primula Hotel semasa perkahwinan itu dilangsungkan. 'Iddah Norziah bagi akad nikahnya dengan Tengku Zainul hendaklah bermula daripada 25 Ogos 1997 iaitu tarikh akad nikah itu diketahui fasid.

H

I

Norziah masih berada di dalam nikah fasid dengan Tengku Zainul walaupun mereka telah tidak duduk bersama pada masa akad nikah Norziah dengan pemohon pada 23 April 1996. Oleh

itu, akad nikah antara Norziah dengan pemohon juga nikah fasid. Sabitan akad nikah ini fasid juga bermula pada 25 Ogos 1997 dan Norziah juga ber'iddah dari tarikh yang sama.

Oleh kerana akad nikah pemohon dengan Norziah yang didakwa diadakan pada 23 April 1996 itu fasid, maka mahkamah adalah berhak merampas surat keterangan nikah dan ta'lik dan surat keterangan perakuan nikah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Narathiwat bagi mengelakkan daripada berlakunya salah guna (lihat ms 245A–B, E, I, 246H dan 247A–B).

(2) Mahkamah mendapati bahawa Norziah cuba menyembunyikan fakta perkahwinannya dengan Tengku Zainul. Oleh itu, Norziah telah menghina mahkamah dan dihukum penjara 14 hari (lihat ms 248D).

Nota-nota

Untuk kes mengenai permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan Islam yang diadakan di negeri Thai, lihat 8 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 403.

Undang-undang yang dirujuk

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986 ss 32(1)(b)(i), (2)(b)(i), 95(1)(a)(i), 207, 210

Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 ss 2, 10, 22, 26(3), 29(1)(a), 107(1)

Engku Hassan Ashari bin Engku Ali (*Engku Hassan & Associates*) bagi pihak penentang kedua.

Ismail Yahya H: Kes yang mulai didengar pada 12 Julai 1997 ini pada asalnya ialah permohonan menentukan sahnya suatu perkahwinan yang didakwa adanya suatu perkahwinan antara Zainal Abidin bin Mohamed, pemohon, dengan pasangannya Norziah bte Mohd Nor. Pada 19 Julai 1997, isteri pertama pemohon, Noorizan bte Ali telah memasukkan satu tuntutan membatalkan perkahwinan antara Zainal Abidin dengan Norziah itu. Saya berpendapat kedua-dua kes ini adalah mengenai satu fakta kes yang sama iaitu wujud atau tidak perkahwinan antara Zainal Abidin dengan Norziah dan jika wujud perkahwinan adakah perkahwinan itu sah mengikut hukum syarak dan undang-undang.

Dalam hujahnya, pasangan pemohon berpendapat akad nikah perkahwinannya dengan Zainal Abidin yang didakwa telah diadakan pada 23 April 1996 adalah sah dan cuma sekarang dalam proses untuk didaftarkan di Terengganu dan dalam proses tersebut ada bantahan mengenainya.

Di dalam persoalan ini, s 29 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 memperuntukkan:

(1) Jika seseorang bermastautin di Terengganu telah berkahwin di luar negeri dengan sah menurut Hukum Syara', bukannya satu perkahwinan yang didaftarkan di bawah seksyen 22, dan perkahwinan itu belum didaftarkan di luar negeri, maka pendaftaran perkahwinan itu hendaklah

A dibuat dalam masa dua bulan selepas salah satu atau kedua-dua pihak itu mula-mula sampai di Malaysia dengan cara pihak itu atau kedua-dua pihak itu hadir di hadapan mana-mana Pendaftar di Terengganu dan —

(a) mengemukakan kepada Pendaftar itu surat perakuan nikah atau apa-apa keterangan, sama ada lisan atau dokumentar, yang boleh B memuaskan hati Pendaftar bahawa perkahwinan itu berlaku dan ianya sah menurut Hukum Syara'. ... .

Di dalam peruntukan di atas persoalan yang terjawab ialah seseorang yang bermastautin di Terengganu berkahwin di luar negeri dan akad nikah perkahwinan itu diadakan bukannya oleh pendaftar yang dilantik di bawah C s 26(3) Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 iaitu di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia di mana-mana negara, maka dianya hendaklah membuktikan bahawa nikahnya itu sah menurut hukum syarak untuk mendaftarkan nikahnya itu di hadapan mana-mana pendaftar perkahwinan, perceraian dan rujuk D orang Islam di dalam negeri ini.

Bidang kuasa bagi menentukan sah atau tidaknya sesuatu perkahwinan itu dari segi undang-undang hanyalah diperuntukkan kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu memperuntukkan:

E (1) Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah — ...

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala perguaman dan prosiding di mana semua pihak beragama Islam dan yang berhubung dengan —

(i) munakahat atau perkara-perkara nikah-kahwin dan pemberian harta atau tuntutan harta yang tertib daripada perkara-perkara F sedemikian; ... .

Manakala mengenai kuasa mahkamah rendah Syariah pula diperuntukkan di dalam sub-s 2 kepada seksyen tersebut iaitu:

(2) Mahkamah Rendah Syar'iah hendaklah — ...

G (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan segala perguaman dan prosiding di mana semua pihak beragama Islam dan yang berhubung dengan —

(i) munakahat atau perkara-perkara nikah-kahwin, kecuali dalam perkara menentukan sahnya atau tidak sesuatu perkahwinan, perceraian atau ruju', dan dalam perkara pembubaran H perkahwinan. ... .

Seksyen 10 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 pula memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan adalah tak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu menurut hukum syarak untuk menjadikannya sah. Manakala di dalam s 107(1) I Enakmen yang sama pula memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan orang Islam yang dilakukan di luar Malaysia lain daripada perkahwinan yang diakad nikahkan di sesuatu Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi atau Pejabat Konsul Malaysia di bawah s 22 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 hendaklah diiktirafkan sebagai sah bagi segala maksud Enakmen ini jika ianya adalah sah menurut hukum syarak.

Seksyen 22 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 pula memperuntukkan: A

> (1) Tertakluk kepada sub-seksyen (2), perkahwinan boleh diakad nikahkan mengikut Hukum Syara' oleh Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 26(3) di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul Malaysia di mana-mana negara yang tidak memberitahu kerajaan Malaysia tentang bantahannya terhadap pengakadnikahan perkahwinan di Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi, atau Pejabat Konsul itu. ... . B

Dari peruntukan undang-undang di atas, timbul dua persoalan: pertama ialah pemohon di dalam kes ini hendaklah bermastautin di Terengganu. Kedua, untuk menentukan sah atau tidak sesuatu perkahwinan itu ianya adalah menurut peruntukan hukum syarak. C

Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 menafsirkan makna bermastautin. Bermastautin di dalam s 2 Enakmen 12/85 itu diertikan sebagai tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu. Di dalam kes ini, pemohon, yakni Zainal Abidin bin Mohamed, adalah bermastautin di D Terengganu dan dengan yang demikian beliau telah memenuhi salah satu fakta yang diperlukan oleh undang-undang.

Menurut ajaran Islam, seseorang lelaki dan seseorang perempuan boleh diikat dalam satu hubungan sah iaitu dengan perkahwinan melalui akad nikah yang sah. Perkahwinan yang sah adalah suatu perkahwinan E yang mempertautkan segala nilai dan impian dalam satu ikatan yang Allah sendiri merestuinya sepertimana firmanNya yang bermaksud (surah Ar-Rom ayat 21):

> Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmat Nya bahawa Ia mencipta untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari F jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Menurut hukum syarak, untuk menjadikan sesuatu perkahwinan itu sah hendaklah memenuhi rukun-rukun nikah. Di dalam kitab *Bujairimi 'ala Al-Khatib* (Jilid 3) ms 326–327, ada menyebut (maksudnya): G

> Fasal pada membicarakan rukun-rukun nikah dan ada pun rukun-rukun nikah itu lima perkara iaitu sighah, pengantin perempuan, pengantin lelaki, wali. Pengantin lelaki dan wali adalah pihak-pihak yang melaksanakan akad nikah perkahwinan melalui sighah iaitu lafaz ijab dan lafaz qabul. Yang H kelima ialah dua orang saksi.

Di dalam kes ini, menurut keterangan yang dikemukakan dan penyaksian yang dibuktikan, saya berpuashati bahawa rukun nikah pertama iaitu sighah telah wujud. Di dalam kes ini lafaz ijab perkahwinan antara Zainal Abidin dengan Norziah dibuat oleh Hj Abdul Hamid Solleh, wali am I dalam Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand, dan lafaz qabul dilafazkan oleh Zainal Abidin sendiri.

Berkait dengan rukun kedua iaitu pengantin perempuan, daripada keterangan-keterangan yang telah dikemukakan, saya berpendapat di dalam

kes ini pengantin perempuan, iaitu Norziah bte Mohd Nor pada 23 April 1996 adalah tidak layak berkahwin dengan mana-mana lelaki. Ini adalah kerana akad nikah Norziah dengan Tengku Zainul Hisham bin Tengku Hussin dalam tahun 1992 adalah fasid mengikut hukum syarak dan belum diputuskan fasidnya akad nikah itu oleh mana-mana hakim syar'i hingga ke tarikh perbicaraan yang telah diadakan pada 25 Ogos 1997 yang lalu. Menurut hukum syarak seperti mana yang dicatatkan di dalam kitab *Al-Fiqhul Islami wa Adillatuhu* (Juzuk 7) ms 118 yang bererti bahawa sesuatu nikah itu dikatakan batal disisi Mazhab Syafie ialah apabila rukun-rukun nikah tidak disempurnakan dan sesuatu nikah itu dikatakan fasid sekiranya syarat-syaratnya tidak dapat dipenuhi.

Di dalam kes ini, semasa akad nikah antara Tengku Zainul Hisham bin Tengku Hussin dengan Norziah dalam tahun 1992, wali Norziah sebenarnya ialah bapanya Mohd Nor bin Osman. Mengikut keterangan yang dikemukakan, Mohd Nor mewakilkan wali bagi mengakadkan nikah Tengku Zainul Hisham dengan Norziah kepada anaknya yang bernama Mohd Fuzi bin Mohd Nor. Mohd Fuzi pula telah mewakilkan wali kepada Hj Mokhtar untuk mengakadkan nikah Tengku Zainul Hisham dengan Norziah itu. Akad nikah berkenaan dilakukan di dalam sebuah bilik di Primula Hotel Kuala Terengganu tanpa Mohd Nor, bapa Norziah, sedangkan Mohd Nor berada tidak sampai pun satu kilometer dari Primula Hotel. Di dalam fakta ini, saya berpendapat timbul isu hukum syarak iaitu adakah orang menerima wakil di dalam kes ini iaitu Mohd Fuzi boleh mewakilkan pula kewalian kepada orang lain bagi mengakadkan nikah, di dalam kes ini Hj Mokhtar.

Persoalan ini telahpun dijawab oleh hukum syarak seperti mana dimuatkan di dalam kitab *Al-Fiqhul Islami wa Adillatuhu* (Juzuk 4) ms 160 yang menyebut (maksudnya):

> Jika kuasa perwakilan itu adalah khusus atau terbatas seperti orang yang menerima wakil itu sendiri patut menjalankan kerja itu maka orang yang menerima wakil itu tidak boleh mewakilkan pula kepada orang lain bagi perkara-perkara yang diwakilkan kepadanya itu.

Kemudian disebut lagi (maksudnya):

> Golongan Shafie dan Hanbali berpendapat bahawa seseorang yang menerima perwakilan tidak boleh mewakilkan perwakilan itu kepada pihak lain tanpa mendapat kebenaran orang memberi perwakilan apabila penerima wakil itu berupaya melakukan apa yang diwakilkan kepadanya. Tetapi sebaliknya jika dia tidak berupaya melakukan apa yang diwakilkan kepadanya itu, maka bolehlah dia mewakilkan kepada pihak lain; wakil yang kedua dan wakil yang pertama adalah menjadi wakil kepada orang yang memberi wakil.

Di dalam kes ini, Mohd Nor bin Osman sepatutnya mewakili wali sendiri kepada Hj Mokhtar untuk nikahnya Norziah dengan Tengku Zainul Hisham. Oleh yang demikian, saya berpendapat akad nikah antara Tengku Zainul Hisham dengan Norziah itu adalah fasid. Perkara ini baru dapat diketahui oleh saya pada 25 Ogos 1997 dan dengan itu saya telah perintah firaq antara Norziah dengan Zainal Abidin, pemohon, dikekalkan pada hari ini.

Apabila pernikahan Tengku Zainul Hisham dengan Norziah disabitkan fasid, Norziah perlu ber'iddah kerana mereka berdua telahpun melakukan persetubuhan. Persoalan yang timbul ialah, bilakah bermulanya 'iddah Norziah dikira. Menurut hukum syarak seperti mana diperuntukkan di dalam kitab *Al-Fighul Islami wa Adillatuhu* (Juzuk 7) ms 116 yang antara lain menyebut (maksudnya):

> 'Iddah berkenaan hendaklah bermula dari waktu mufaraqah keduanya setelah difasakhkan.

Berdasarkan peruntukan hukum syarak di atas di dalam kes ini pada 25 Ogos 1997 barulah diketahui yang akad nikah antara Tengku Zainul Hisham dengan Norziah itu fasid dan pada tarikh itu jugalah disabitkan fasid serta diperintahkan mufaraqah. Sebelum dari tarikh tersebut belum ada pensabitan sedemikian. Oleh yang demikian 'iddah Norziah bagi akad nikahnya dengan Tengku Zainul Hisham hendaklah bermula dari 25 Ogos 1997. Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan apakah yang dikatakan 'iddah itu. Menurut hukum syarak sebagaimana yang diperuntukkan di dalam kitab *Mughnil Muhtaj* oleh As Syarbini (Juzuk 3) ms 384, 'iddah diertikan sebagai (maksudnya):

> 'Iddah dari segi syarak ialah nama bagi suatu tempoh yang mana seseorang perempuan dikehendaki menunggu tempoh itu untuk mengetahui adakah rahimnya bersih (iaitu dia tidak mengandung) atau untuk mematuhi hukum Allah atau untuk menghilangkan kesedihannya di atas suaminya.

Di dalam kitab *Al-Fighul Islami wa Adillatuhu* (Juzuk 7) ms 630 ada menyebut (maksudnya):

> 'Iddah ada tiga jenis: 'iddah dengan suci, 'iddah dikira dengan bulan dan 'iddah hingga melahirkan kandungan.

Di dalam kes ini, berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan, saya dapati Norziah digolongkan ke dalam golongan isteri yang ber'iddah dengan 'iddah suci iaitu tiga kali suci mulai dari tarikh disabitkan akad nikahnya fasid iaitu mulai 25 Ogos 1997, berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud (surah Al-Baqarah ayat 228):

> Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid) ... .

Di dalam kes ini, pada 23 April 1996, Norziah melangsungkan pula akad nikah dengan Zainal Abidin bin Mohamed. Norziah masih berada di dalam nikah fasid dengan Tengku Zainul Hisham walaupun mereka telah tidak duduk bersama pada masa akad nikah Norziah dengan Zainal Abidin bin Mohamed itu. Oleh itu, saya berpendapat akad nikah antara Norziah bte Mohd Nor dengan Zainal Abidin bin Mohamed yang didakwa telah diadakan pada 23 April 1996 juga nikah fasid. Sabitan akad nikah ini fasid juga bermula pada 25 Ogos 1997. Dengan yang demikian Norziah juga ber'iddah mulai dari tarikh yang sama. Dengan ini saya berpendapat pernikahan antara Norziah bte Mohd Nor dengan Tengku Zainul Hisham adalah fasid dan sabit fasidnya pada 25 Ogos 1997, dan pernikahan antara Norziah dengan Zainal Abidin bin Mohamed adalah juga fasid dan sabit fasidnya pada 25 Ogos 1997. Mulai 25 Ogos 1997, Norziah hendaklah ber'iddah dengan 'iddah suci.

A Saya berpendapat oleh kerana akad nikah Zainal Abidin bin Mohamed dengan Norziah bte Mohd Nor yang didakwa diadakan pada 23 April 1996 itu fasid, maka mahkamah adalah berhak merampas Surat Keterangan Nikah dan Ta'lik Register 260/39, Nombor Siri 17119 dan Surat Keterangan Perakuan Nikah No Bilangan 559.17/2539 yang dikeluarkan B oleh Majlis Agama Islam Narathiwat. Rampasan ini dibuat bagi tujuan mengelakkan daripada berlakunya salah guna.

Saya berpendapat, Norziah telah mengemukakan surat perakuan cerainya dengan Mohd Nazeri bin Mohd Azahar semasa akad nikah antara Norziah dengan Zainal Abidin bin Mohamed pada 23 April 1996 di C Pejabat Majlis Agama Islam Narathiwat bagi membuktikan beliau adalah janda yang telahpun tamat tempoh 'iddahnya. Norziah cuba menyembunyi fakta dirinya yang sebenar. Hal yang sama telah dibuat oleh Norziah di hari pertama perbicaraan bagi menentukan sahnya perkahwinan mereka berdua pada 12 Julai 1997 di Mahkamah ini. Norziah pada 12 Julai 1997 yang lalu memberi keterangan kepada mahkamah bahawa sebelum bernikah D dengan Zainal Abidin, beliau pernah bernikah dengan Mohd Nadzeri bin Mohd Azhar dan telah dikurniakan seorang anak. Beliau bercerai dengan Mohd Nadzeri dalam tahun 1987. Disini timbul persoalan kenapa Norziah cuba sembunyikan perkahwinannya dengan Tengku Zainul Hisham dalam tahun 1992 hingga dikurniakan dengan dua orang anak. Setelah satu E bantahan dengan afidavit dibuat oleh Noorizan bte Ali, isteri pertama Zainal Abidin dan pada 25 Ogos 1997 di dalam mahkamah ini juga barulah Norziah memberi keterangan yang beliau pernah diakad nikah dengan Tengku Zainul Hisham selepas bercerai dengan Mohd Nadzeri dan sebelum berkahwin dengan Zainal Abidin.

F Saya berpendapat perbuatan Norziah ini adalah satu kesalahan besar dari segi hukum syarak dan undang-undang. Beliau telah menyembunyikan satu fakta yang boleh menyebabkan hukuman yang berlainan.

Di dalam keadaan, ini Allah SWT telah berfirman (surah An-Nisaa' ayat 135) yang bermaksud:

G

> Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang H memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

I Saya berpendapat perbuatan Norziah itu cuba mempermain-mainkan hukum syarak. Perbuatan Norziah itu juga telah mengejek dan mempersendakan mahkamah.

Seksyen 207 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986 memperuntukkan:

> Barangsiapa membuat hina terhadap kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri ini atau kuasa Jabatan atau Majlis atau mana-mana jawatankuasa atau ahli pegawainya atau mana-mana pegawai masjid atau kuasa mana-mana Mahkamah atau pegawai yang mengetuai Mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 210 Enakmen yang sama pula memberi erti 'membuat hina' dengan memperuntukkan:

> Bagi maksud-maksud seksyen-seksyen 206, 207, dan 209, 'membuat hina' termasuklah mencela, mengejek, mencemuh, mencerca, mengutuk, atau mempersenda.

Mengikut peruntukan hukum syarak dan undang-undang, saya berpuashati bahawa Norziah telah melakukan satu kesalahan.

Saya berpendapat Norziah telah membuat hina kepada mahkamah ini. Untuk mencegah perbuatan membuat hina ini berulang dan bagi menjamin keadilan di mahkamah ini dan setelah menimbang rayuan yang dibuat saya berpendapat eloklah Norziah dikenakan hukuman yang setimpal dan layaklah dihukum dengan penjara selama 14 hari mulai hari ini.

Keputusan:

(1) Saya sabitkan akad nikah perkahwinan antara Zainal Abidin bin Mohamed KPT 620219–11–5097 dengan Norziah bte Mohd Nor KPT 681011–01–5846 yang didakwa telah diadakan pada 23 April 1996 di Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Selatan Thailand, adalah tidak sah mengikut hukum syarak.

(2) Saya tidak dapat memberi sebarang pengiktirafan undang-undang ke atas akad nikah antara Zainal Abidin bin Mohamed dengan Norziah bte Mohd Nor yang didakwa telah diadakan pada 23 April 1996 itu.

(3) Saya perintahkan Norziah bte Mohd Nor ber'iddah dengan 'iddah suci mulai 25 Ogos 1997.

(4) Saya perintahkan Surat Keterangan Nikah dan Ta'lik Register 260/39 dan Surat Keterangan Perakuan Nikah No Bilangan 559.17/2539 yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Narathiwat, Selatan Thailand dirampas oleh mahkamah ini.

(5) Saya sabitkan Norziah bte Mohd Nor KPT 681011–01–5846 telah berbohong di dalam mahkamah dan dengan itu Norziah disabitkan dengan satu kesalahan membuat hina kepada mahkamah menurut seksyen 207 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986 dan dibaca bersekali dengan s 210 Enakmen yang sama dan dengan itu saya hukumkan ke atas Norziah bte Mohd Nor dengan hukuman penjara selama 14 mulai hari ini 1 Oktober 1997.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Mohamed Azam bin Mohamed Adil